UNIT PEMBELAJARAN DIGITAL

PSIS

PENGENALAN

E-Pembelajaran merupakan satu kaedah memudahcara penyampaian pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang dikendalikan secara atas talian dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Dasar e-pembelajaran Politeknik telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik(JPP) pada November 2012 dan mula berkuatkuasa pelaksanaan pada sesi Disember 2012. Dasar ini telah menggariskan ketetapan kepada pemimpin akademik, staf akademik dan staf sokongan terhadap pelaksanaan e-pembelajaran sebagai pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P) teradun yang berkualiti, fleksibel dan kolaboratif.

OBJEKTIF JAWATANKUASA E-PEMBELAJARAN

- Mewujudkan Jawatankuasa e-pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan e-pembelajaran di kalangan staf dan pelajar politeknik.

- Mewujudkan jawatankuasa kerja e-pembelajaran di peringkat jabatan.

- Menyelaras program latihan untuk staf akademik bagi membangunkan kandungan e-pembelajaran yang berkesan.

- Merancang dan melaksanakan program bagi menambah minat pensyarah melaksanakan e-pembelajaran dengan menggunakan platform CIDOS

SKOP TUGAS E-PEMBELAJARAN POLITEKNIK

1. PENASIHAT (TPA)

- Menasihat dan memantau perjalanan pelaksanaan pembangunan e-Pembelajaran
- Menilai keberkesanan penggunaan e-Pembelajaran dalam P&P di Politeknik

2. PEGAWAI E-PEMBELAJARAN (PENGERUSI)

- Menubuhkan jawatankuasa e-pembelajaran di peringkat politeknik.
- Merancang pembangunan e-pembelajaran di peringkat Politeknik.
- Menyelia perjalanan pembangunan jawatankuasa e-pembelajaran di peringkat Politeknik.
- Melapor pencapaian pembangunan e-pembelajaran di peringkat politeknik dan JPP.
- Menyelaras pembangunan dan penghasilan bahan e-pembelajaran
- Menyelia dan membimbing pembangunan bahan e-pembelajaran di politeknik.
- Mewujudkan kolaborasi di antara politeknik, industri dan IPT dalam pembangunan bahan e-pembelajaran

- Membudayakan penggunaan e-pembelajaran di politeknik.

3. KETUA JABATAN AKADEMIK

- Menasihat Ahli Kerja Jabatan untuk pelaksanaan penghasilan e-pembelajaran
- Memantau kesesuaian kursus yang dipilih untuk penghasilan bahan
- Menyampai maklumat semasa dari Pihak Pengurusan.
- Menilai penghasilan bahan sebelum di serahkan ke peringkat akhir untuk pertandingan atau aplikasi.

4. PENYELARAS E-PEMBELAJARAN JABATAN

- Menubuhkan jawatan kuasa kerja di peringkat Jabatan
- Menyelaras, menyelia dan melapor pembangunan bahan e-pembelajaran di jabatan
- Menyelaras penghasilan bahan e-pembelajaran dari setiap program untuk kursus yang dicadangkan.
- Memaklumkan sebarang masalah capaian CIDOS kepada Admin CIDOS.
- Membantu staf akademik bermasalah dalam penggunaan platform CIDOS di peringkat jabatan.
- Melapor status penggunaan CIDOS kepada Ketua Jabatan.
- Merancang latihan staf akademik dalam pembangunan dan penghasilan bahan e-pembelajaran dan penggunaan platform CIDOS di peringkat jabatan.

5. SETIAUSAHA

- Menyediakan hebahan dan memanggil mesyuarat
- Menyediakan minit mesyuarat

6. PENYELIA TEKNIKAL (Pegawai Multimedia dan Sumber)

- Membimbing bentuk atau format yang sesuai untuk penghasilan bahan
- Membantu penghasilan atau rakaman audio visual dalam bentuk digital
- Memberi latihan untuk penghasilan bahan digital
- Membantu dalam urusan muat naik dan pengendalian ICT dan lain-lain.

7. PENYELIA TEKNIKAL (CIDOS Admin)

- Memastikan infrastruktur teknologi seperti perisian sistem pengurusan pembelajaran(LMS) yang digunakan berfungsi dengan baik.
- Menjamin keselamatan data dalam sistem e-pembelajaran dan melakukan 'backup' data setahun(dua semester)
- Membuat tindakan bagi sebarang masalah capaian CIDOS.
- Membuat pelaporan hit CIDOS setiap bulan pada platform CIDOS politeknik bagi setiap bulan mengikut format yang ditetapkan.
- Merancancang penyeliaan berkala infrastruktur teknologi

8. PENYELIA TECC

- Memastikan infrastruktur TECC yang digunakan berfungsi dengan baik.
- Menyediakan garis panduan penggunaan, jadual penggunaan TECC dan buku peminjaman dan pemulangan kunci TECC.
- Membuat laporan kerosakan bagi sebarang masalah infrastruktur TECC
- Memantau kebersihan dan keceriaan TECC

9. PENYELIA TEKNIKAL TECC (JURUTEKNIK KOMPUTER)

- Memastikan infrastruktur teknologi seperti perisian sistem dan perkakasan komputer yang digunakan berfungsi dengan baik.
- Membuat penyelenggaraan berkala perisian sistem dan perkakasan komputer yang digunakan.
- Membuat pelaporan penyelenggaraan berkala perisian sistem dan perkakasan komputer yang digunakan.